



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA 2**  
**KOD KURSUS : MPU2123 / MPU1013**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**  
*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1.

- Menggunakan alatan batu yang lebih halus.
- Membuat dan menggunakan alatan perhiasan seperti gelang.
- Menjalankan kegiatan perdagangan, memelihara binatang, menangkap ikan dan bercucuk tanam.


**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 merupakan tahap bagi zaman prasejarah. Antara yang berikut manakah yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Zaman Paleolitik.
  - B Zaman Mesolitik.
  - C Zaman Neolitik.
  - D Zaman Logam.
2. Melaka mempunyai pentadbiran tersusun sepanjang tempoh kekuasaannya menerusi 'Sistem Pembesar Empat Lipatan'. Manakah padanan yang sesuai mengenai jawatan temenggong pada zaman sekarang?
- A Menteri Luar.
  - B Menteri Kerja Raya.
  - C Menteri Pertahanan.
  - D Menteri Dalam Negeri.
3. Karya sastera manakah yang dibacakan kepada tentera Melaka ketika serangan Portugis?
- A Hikayat Amir Hamzah.
  - B Hikayat Nabi Bercukur.
  - C Hikayat Nur Muhammad.
  - D Hikayat Merong Mahawangsa.

4. Malayan Union memperkenalkan Prinsip Jus Soli. Mengapakah orang Melayu menentang prinsip kerakyatan tersebut?
- A Menggugat kedaulatan raja.
  - B Memusnahkan status quo.
  - C Pembentukan pelbagai budaya.
  - D Penghapusan ekonomi tradisional.

5.



**Gambar 1**

- Gambar 1 menunjukkan peristiwa yang berlaku di Bandar Hilir Melaka pada 20 Februari 1956. Apakah kepentingan peristiwa tersebut?
- A Darurat ditamatkan.
  - B Parti politik ditubuhkan.
  - C Pilihan raya diperkenalkan.
  - D Tarikh kemerdekaan diisytiharkan.
6. Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Akur tuntutan golongan radikal.
  - B Memenuhi desakan orang dagang.
  - C Kekuatan perpaduan orang Melayu.
  - D Pertambahan bilangan kaum imigran.

7. Negeri manakah yang diasaskan oleh kerabat diraja Melaka?
- A Perak.
  - B Kedah.
  - C Kelantan.
  - D Terengganu.

- Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein.
- Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman.
- Kolonel Hau Shek Lee (H.S.Lee)

**Pernyataan 2**

8. Tokoh dalam pernyataan 2 telah memberi sumbangan dalam pentadbiran negara sebelum merdeka. Apakah sumbangan mereka?
- A Menganjurkan konvensyen kebangsaan.
  - B Melakukan pembentukan parti-parti politik.
  - C Melakukan rundingan kemerdekaan di London.
  - D Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).
9. Pada tahun 1951, Dato' Onn Bin Jaafar mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu. Mengapakah beliau bertindak sedemikian?
- A Memperkukuh perpaduan.
  - B Memperkuat organisasi parti.
  - C Mengiktiraf peranan kaum imigran.
  - D Memantapkan pentadbiran kerajaan.
10. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957. Apakah kesan perjanjian tersebut?
- A Pengukuhan kuasa Gabenor.
  - B Kerakyatan Jus Soli diterima.
  - C Pembentukan kerajaan republik.
  - D Pesuruhjaya Tinggi British dilantik.

11. Berikut merupakan padanan antara kaum etnik dan penempatan di Malaysia. Pilih padanan yang betul.
- A Serani - Melaka.
  - B Chetti - Pahang.
  - C Melanau - Sarawak.
  - D Baba Nyonya - Perlis.
12. Dasar Apartheid digunakan untuk memisahkan tahap hubungan etnik, tempat tinggal, pendidikan, pekerjaan dan pergaulan. Apakah bentuk hubungan etnik yang sesuai berdasarkan dasar ini?
- A Asimilasi.
  - B Akulturasi
  - C Segregasi.
  - D Akomodasi.
13. Manakah antara berikut merupakan ciri etnik atau kaum yang merujuk kepada suatu kumpulan manusia?
- A Perbezaan geografi.
  - B Perbezaan ideologi.
  - C Perbezaan kebudayaan.
  - D Penumpuan gen tertentu.
14. Apakah Motto negara Malaysia?
- A Bersekutu Bertambah Jaya.
  - B Bersekutu Bertambah Ilmu.
  - C Bersekutu Bertambah Mutu.
  - D Bersekutu Bertambah Gemilang.
15. Berapakah jumlah negeri di Malaysia termasuk 3 buah di wilayah persekutuan?
- A 11.
  - B 14.
  - C 16.
  - D 17.

16. Menurut ajaran agama Islam, mengapakah manusia dicipta mempunyai pelbagai bangsa?
- A Membentuk ukhwah.
  - B Mencari kekuatan bangsa.
  - C Berbaik-baik antara satu sama lain.
  - D Berkenal-kenalan antara satu sama lain.
17. Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia merujuk kepada perkara
- A 3
  - B 11
  - C 153
  - D 152

18.

- Rakyat takut untuk menderhaka kepada raja walaupun raja tidak berlaku adil.

**Pernyataan 3**

Berdasarkan pernyataan 3, mengapakah rakyat bersikap sedemikian kepada raja semasa sistem pemerintahan di Asia Tenggara?

- A Raja mengetuai istiadat.
  - B Raja membentuk empayar.
  - C Raja adalah bayangan tuhan.
  - D Raja mempunyai kekuatan fizikal.
19. Apakah faktor yang telah menyebabkan wujudnya masyarakat pelbagai bangsa di negara ini?
- A Imperialisma.
  - B Kolonialisma.
  - C Kapitalisma.
  - D Federalisma.

20. Mengapakah rakyat Malaysia dikehendaki menghormati budaya, agama dan kepercayaan dalam masyarakat berbilang bangsa?
- A Kita dapat menikmati kehidupan aman dan damai tanpa prejudis.
  - B Kita dapat bersama - sama meraikan secara percuma dan tanpa halangan.
  - C Kita dapat menunjukkan rasa bersyukur menikmati hidup yang berbilang bangsa.
  - D Kita dapat menikmati keistimewaan dalam budaya, agama dan kepercayaan agama lain.

[20 MARKAH]




**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

1.



**Rajah 1**

Rajah 1 menunjukkan senarai ahli yang terlibat dalam sebuah suruhanjaya pada Januari 1962.

a. Namakan suruhanjaya tersebut.

(1 Markah)

b. Apakah tujuan penubuhan suruhanjaya itu?

(2 Markah)

c. Berikan **tiga (3)** laporan hasil undian masyarakat Sabah dan Sarawak yang terlibat dalam laporan suruhanjaya ini.

(3 Markah)

d. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **dua (2)** tanggungjawab anda untuk mengekalkan keamanan negara.

(4 Markah)

2.



Lee Kuan Yew



Sultan Omar Ali Saifuddin



X




Y

Gambar 2

Gambar 2 menunjukkan senarai pemimpin utama yang terlibat dalam pembentukan kerajaan Malaysia 1956.

- a. Namakan tokoh X dan Y. (2 Markah)
- b. Nyatakan **dua (2)** wilayah yang terlibat dalam pembentukan Malaysia. (2 Markah)
- c. Mengapakah pemimpin Y menjemput negara-negara lain bagi membentuk Malaysia? (2 Markah)
- d. Jelaskan **dua (2)** tindakan yang dilakukan oleh negara - negara jiran yang tidak terlibat dalam pembentukan Malaysia. (4 Markah)

3.



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan tahap hubungan etnik di Malaysia.

- a. Berdasarkan Rajah 2, nyatakan tahap hubungan etnik bertanda X.  
(1 Markah)
- b. Berikan **dua (2)** contoh tahap hubungan etnik yang melibatkan X.  
(2 Markah)
- c. Nyatakan **tiga (3)** cabaran bagi menghadapi isu perpaduan.  
(3 Markah)
- d. Cadangkan **dua (2)** langkah untuk menyelesaikan masalah perpaduan kaum.  
(4 Markah)

4.



Gambar 3

Gambar 3 menunjukkan aktiviti yang dilakukan bagi bangsa tertentu di Malaysia semasa menyambut perayaan mereka.

- a. Namakan jenis perayaan yang memerlukan budaya ini dijalankan.  
(1 Markah)
- b. Senaraikan **dua (2)** simbolik aktiviti tersebut dilaksanakan.  
(2 Markah)
- c. Senaraikan **tiga (3)** perkara lain yang dilakukan agama tersebut bagi meraikan perayaan tersebut.  
(3 Markah)
- d. Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan **dua (2)** langkah untuk menunjukkan toleransi antara kaum di Malaysia.  
(4 Markah)

5.

**LAGU NEGARAKU**

Negaraku,  
Tanah tumpahnya darahku,  
Rakyat hidup,  
Bersatu dan maju,  
Rahmat bahagia,  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita selamat bertakhta,

**Pernyataan 4**

Pernyataan 4 merujuk kepada lirik lagu kebangsaan Malaysia yang telah dicipta pada tahun 1957 sempena sambutan kemerdekaan.

- a. Jelaskan **dua (2)** mesej yang terkandung dalam lirik tersebut.  
(4 Markah)
- b. Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda berusaha melaksanakan mesej di 2(a) dengan berkesan?  
(4 Markah)
- c. Nyatakan **satu (1)** etika yang perlu dilakukan semasa menyanyikan lagu negaraku.  
(1 Markah)
- d. Berikan **satu (1)** identiti kebangsaan selain lagu negaraku.  
(1 Markah)

6.



Gambar 4

Gambar 4 ialah Logo Kemerdekaan bagi sambutan kemerdekaan 2018 kali ke-61 yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 30 Mei 2018.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan tema "Sayangi Malaysiaku" dalam logo di atas?  
(2 Markah)
- b. Berikan **dua (2)** tema kemerdekaan yang pernah digunakan bagi menyambut kemerdekaan.  
(2 Markah)
- c. Berikan **dua (2)** kepentingan menyambut kemerdekaan.  
(2 Markah)
- d. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **dua (2)** langkah yang wajar diambil oleh warganegara bagi meningkatkan semangat nasionalisme.  
(4 Markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian in mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

1. Integrasi nasional dalam kalangan masyarakat berbilang kaum adalah penting untuk memupuk toleransi dan mengelakkan sebarang isu perkauman berpunca sikap prejudis antara kaum yang boleh menggugat keutuhan negara Malaysia. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi nasional bagi memastikan wahana integrasi nasional ini dilaksanakan. Jelaskan strategi tersebut.

(20 Markah)

2. Kedatangan penjajah ke negara kita telah merubah landskap pemerintahan dan pentadbiran negara. Ramai buruh asing dari luar negara telah dibawa masuk ke Tanah Melayu sejak campur tangan residen di beberapa negeri di Tanah Melayu. Huraikan faktor-faktor kedatangan buruh asing ke negara kita.

(20 Markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

